

GCE 'O' Level Malay Paper 1 (1148/1)

Duration: 2h

Total Marks: 60

**ARAHAN:** Jawab dua soalan; satu daripada Bahagian A dan satu lagi daripada Bahagian B.

**BAHAGIAN A** (20 markah)

**Arahan:** Tulis e-mel yang panjangnya tidak kurang daripada 120 patah perkataan berdasarkan satu daripada soalan-soalan yang berikut.

- 1 Kamu baru sahaja menerima e-mel daripada rakan kamu. Baca e-mel itu dan berikan respons kamu terhadap perkara-perkara yang terkandung dalam e-mel tersebut.

File Edit View Mail Data Source Help	
	
Daripada:	hanafiah@kgoomail.com
Kepada:	rostam@kgoomail.com
Tarikh:	1/10/2021
Subjek:	Meminta Pendapat
<p>Rostam</p> <p>Apa khabar? Saya harap awak sihat sejahtera.</p> <p>Baru-baru ini, saya telah menghadiri sebuah jerayawara tentang pendidikan pos menengah bersama bapa saya. Setelah mendengar perkongsian itu, kami mempunyai pendapat yang berbeza tentang haluan pos menengah yang patut saya pilih. Bapa saya merasakan bahawa saya patut melanjutkan pelajaran di politeknik kerana kursus-kursus yang ditawarkan menarik dan praktikal. Namun, saya pula masih belum pasti kursus apa yang sesuai untuk saya kerana saya lebih cenderung ke arah pendidikan akademik yang ditawarkan oleh maktab-maktab rendah.</p> <p>Kini saya berada dalam dilema. Memandangkan awak kini berada di politeknik, bolehkah awak memberikan saya nasihat jika saya patut meneruskan pelajaran saya ke politeknik atau ke maktab rendah?</p> <p>Saya menantikan balasan e-mel awak dan berharap awak dapat memberikan saya nasihat mengenai hal ini.</p> <p>Terima kasih.</p> <p>Sahabatmu Hanafiah</p>	

- 2 Baca informasi yang berikut. Berdasarkan butiran yang diberikan, tulis e-mel yang sesuai.

Baru-baru ini, kamu dan keluarga kamu telah pergi ke sebuah restoran di sebuah pusat membeli-belah. Semasa kamu sedang menjamu selera, kamu telah menyaksikan satu kekecohan yang berlaku di pintu masuk restoran itu. Kamu telah ternampak seorang pelanggan memarahi salah seorang pekerja restoran kerana diminta memakai pelitup muka dan menunjukkan bukti vaksinasi Covid-19 di aplikasi TraceTogether. Namun, pekerja restoran itu tetap melayan pelanggan tersebut dengan sabar dan berhemah.

Tulis e-mel kepada pengurus restoran tersebut untuk menceritakan pengalaman kamu dan menyampaikan penghargaan kamu terhadap pekerja restoran yang telah menjalankan tugas dengan penuh komitmen. Dalam e-mel itu, sarankan juga cara-cara bagaimana pihak restoran boleh menunjukkan penghargaan kepada pekerja tersebut agar menjadi contoh kepada pekerja-pekerja lain.

Kamu dikehendaki menggunakan alamat e-mel yang berikut:

Alamat pengirim: aina@kgoomail.com

Alamat penerima: pengurus@restoranria.com

### **BAHAGIAN B (40 markah)**

- Arahan:** Tulis sebuah karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 240 patah perkataan mengenai **satu** daripada tajuk-tajuk yang berikut.

- 3 Kamu telah menyaksikan beberapa orang rakan sekelas kamu merakamkan aksi mereka menari di kolong blok yang berdekatan dengan sekolah. Di kolong blok itu juga, sebuah upacara pengebumian sedang dijalankan. Kamu berpendapat tindakan rakan-rakan kamu itu tidak sopan lalu menegur mereka. Gambarkan kejadian itu dan pengajaran yang kamu peroleh daripada kejadian tersebut.
- 4 Remaja Singapura leka dengan peranti mudah alih. Bersetujukah kamu dengan pernyataan ini? Mengapa?
- 5 Seseorang yang tidak kamu kenali telah menyedarkan kamu tentang perkara yang benar-benar penting dalam kehidupan. Ceritakan peristiwa tersebut.

....

